

## **KUIS jadi lokasi uji bakat Pencetus Ummah 27 dan 28 Ogos**

**August 25, 2016**

**OLEH HAFIZAN TAIB (<https://selangorkini.my/2016/08/kuis-jadi-lokasi-uji-bakat-pencetus-ummah-27-dan-28-ogoss/>)**

BANGI, 25 OGOS: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mempelawa bakat baru menyertai uji bakat Pencetus Ummah yang dilangsungkan di perkarangan kolej berkenaan, Sabtu dan Ahad ini.

Acara Jom Sertai! Ujibakat Pencetus Ummah bagi zon tengah bermula jam 9 pagi bertempat di Auditorium Dr Zainuddin Jaafar, KUIS, di sini.

Program realiti Islamik popular terbitan stesen televisyen swasta menarik minat golongan muda untuk turut serta mencuba bakat dalam menyampaikan ceramah agama secara 'versatile'.

Ia akan dikendalikan juara Pencetus Ummah tahun lalu, PU Syed Mohd Bakri Syed Ishak (Syed) bersama naib juara, PU Taha Mohd Omar (Taha) serta PU Mohd Amirul Amin Maula Lokman Hakim (Amin).

10 peserta terbaik akan dipilih bagi menyertai pertandingan akhir Pencetus Ummah tahun ini untuk merebut gelaran juara.

.